

536:
MAHATHIR

1976

TAIPING, 15 FEB. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA HARI INI SEGULUNGAN PELAJAR ITM YANG +SOMBONG DAN BONGKAK+ TIDAK BERFAEDAH TINGGAL DALAM KAMPUS KERANA MERBAHAYAKAN PELAJAR-PELAJAR LAIN.

MENTERI ITU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT UMNO CAWANGAN TAIPING SELATAN DI SEKOLAH KEBANGSAAN DI SINI.

MENURUTNYA, TIDAK BERFAEDAH MERAMAIKAN JUMLAH PELAJAR JIKA MEREKA TIDAK DAPAT MEMBERI HASIL YANG BAIK KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA.

DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MALAYSIA, NENEGASKAN ORANG MELAYU JANGAN BERBANGGA DENGAN LAMBANG DAN KATA-KATA HIKMAT SAHAJA +HIDUP ORANG MELAYU TERJAMIN DI MASA DEPAN+ ATAU +MELAYU TIDAK HILANG DI DUNIA.+

INI TIDAK AKAN MEMBAWA KEJAYAAN SELAGI ORANG-ORANG MELAYU SENDIRI TIDAK MAHU BERUSAHA DAN MENGUBAH SIKAP DAN NASIB SENDIRI UNTUK MEREbut KEJAYAAN.

UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN ORANG MELAYU MESTILAH BERUSAHA MENINGGIKAN TARAF PELAJARAN, BIDANG PERUSAHAAN DAN PERDAGANGAN DAN SEBAGAINYA.--BERSAMBUNG BY 1628

537:
MAHATHIR 2 TAIPING

SEMENTARA ITU, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN MAT ISA MENYERU ORANG MELAYU SUPAYA TERUS BERJUANG MENGIKUT KONSEP ISLAM SELARAS DENGAN PERJUANGAN BARISAN NASIONAL.

KATANYA, MESTILAH ADA PERSEFAHAMAN DALAM PERJUANGAN UMNO DAN PAS BAGI MENJAMIN KESELAMATAN DAN KEAMANAN NEGARA.

DI SAMPING ITU BELIAU MENINGATKAN ADANYA GEJALA BURUK YANG HENDAK MENGGANGGUI KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN NEGARA INI.--BERNAMA BY 1630